# PEROSAK DAN PENYAKIT

PENGURUSAN KAWALAN

# PENGURUSAN PEROSAK

- mengurangkan kesan serangan bagi menjamin pengeluaran hasil yang tinggi.
- Dipengaruhi oleh keadaan amalan kultura, lokasi dan kadaan cuaca.
- Gabungan semua teknik kawalan, faktor ekologi, biologi, amalan agronomi, musuh semulajadi, varieti rintang dan pengunaan racun kimia.

# SERANGGA PEROSAK DURIAN

- Ulat Pengorek Buah
- Ulat Pengorek Biji Durian
- Ulat Pengorek Batang Dan Kulit
- Kumbang Pengorek Batang
- Teritip / Scale Insect
- Koya
- Anai-Anai
- Tupai



# PENGOREK BUAH/BIJI DURIAN

*Mudaria magniplaga Wlk.*













# SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Perosak menyerang buah yang sedang membesar
- Larva mengorek kulit buah, isi dan biji.
- Di permukaan buah terdapat lubang serangan yang dipenuhi oleh butiran fras yang kasar dan basah.
- Fras yang basah menunjukkan adanya larva yang hidup di dalam buah.
- Manakala fras yang kering pula menandakan larva telah membentuk kepompong atau telah muncul menjadi dewasa.
- Larva hanya menyerang 1 atau 2 pangsa dalam sebiji.
- Isi buah di dalam pangsa lain yang tidak diserang biasanya masih dalam keadaan elok.

# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Membungkus putik buah jika pokok rendah.
- Menjaga sanitasi ladang dengan mengutip buah rosak dan tanam.

Kawalan Kimia :

- Sembur racun seperti deltametrin (Decis), methidathion(Ultracide 4030 EC) atau cypermetrin(Garrison 5.5 EC).
- Sembur secara bergilir selang 10-14 hari daripada buah berumur 3 minggu sehingga peringkat hampir masak.

# PENGOREK KULIT BUAH

*Conogethes punctiferalis Guen.*












# SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Larva mengorek kudup bunga,putik dan buah yang sedang membesar.
- Kudup bunga dan putik yang diserang akan gugur.
- Larva hanya makan permukaan kulit dan mengorek kulit buah sahaja.
- Walaupun serangan hanya pada kulit tetapi ia menjejaskan kualiti buah.
- Terdapat lubang serangan yang kecil pada permukaan buah serta butiran fras halus bewarna hitam.

# KAWALAN

Kawalan Kultur:

- Bungkus buah jika pokok rendah.
- Pungut buah yang rosak dan tanam.

Kawalan Kimia :

- Sembur pada bunga, putik dan buah dengan racun seperti deltametrin, cypermethrin atau dimethoate.
- Sembur secara bergilir-gilir selang 10-14 hari. Semburan dihentikan kira-kira 2 minggu sebelum buah gugur.

# PENGOREK BATANG DURIAN

*Batocera gultata.*









# PENGOREK BATANG DURIAN

***Zeuzen coffeae***











# PENGOREK BATANG DURIAN

*Synanthedon sp*











# SIMPTOM DAN KEROSAKAN

- Menyerang batang yang merekah.
- Larva mengorek kulit pokok yang merekah pada batang dan dahan.
- Gumpalan frass berwarna hitam , coklat atau kemerahan keluar dari lubang serangan.

# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Musnahkan kawasan serangan dengan cara mengikis jika serangan tidak teruk.

Kawalan Kimia :

- Permukaan kulit batang yang merekah dikikis dan sapu dengan racun *Dimethoate* (Dimet 40)

# PENGOREK LUBANG JARUM (*Platypus sp*)

**Simptom Dan Kerosakan**



- Menyerang batang dan dahan.
- Menyerang pokok yang telah di jangkiti dengan penyakit cerana batang.
- Mengorek bahagian batang dan
- Mengeluarkan fras berwarna putih seperti habuk gergaji.
- Pokok boleh mati dalam masa 2 minggu.











*Xylothrip flavicep*



*Platypus parallelus*

# KAWALAN



**Kawalan Kultur :**

- Pokok telah mati hendaklah di tebang, potong dan bakar.

**Kawalan Kimia:**

- Serangan perosak ini boleh dikawal dengan mengawal penyakit cerana batang.
- Kikis dan sapu dengan racun kulat seperti fosetyl-alumunium (Aliette 2.5) Matalaxyl (Ridomil 25WP) atau siram asid posforus kepangkal pokok dan akar.

# TERITIP (*Phenacaspis hedyoticlis)*

Simptom dan Kerosakan :

- Nim dan teritip dewasa menghisap cairan sel pada buah dan ranting.
- Serangga mengeluarkan rembesan madu menyebabkan kulat kulapok hitam tumbuh.
- Ini menjejaskan proses pernafasan.





# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Jaga kebersihan ladang



Kawalan Kimia :

- Sembur minyak putih seperti shell miscible white (Albarol) atau dimethoate (Aerogor).

# KUTU PSILID DURIAN (*Allocaridara malayensis*)

Simptom Dan Kerosakan:

- Menyerang pucuk dan daun muda.
- Kedua-dua peringkat dewasa dan nim menghisap cairan sel dibawah daun.
- Daun berkerekot kering dan gugur.





# KAWALAN





**Biologi:**

- Kekabuh kura-kura adalah agen kawalan biologi di ladang.

**Kimia:**

- Semburan racun serangga dilakukan pada masa pokok berpucuk dan berdaun muda.
- Cth: Dimethoate(Dimet 40), Malathion (Hextar Malathion 840), Chlorpyrifos + Cypermethrin (Nurelle D505 EC)

# KOYA (*Pseudococcus* sp)

Simptom dan Kerosakan :

- Nim dan koya dewasa menghisap cairan sel pada buah dan ranting.
- Serangga mengeluarkan rembesan madu menyebabkan kulat kulapok hitam tumbuh.
- Ini menjejaskan proses pernafasan.





# KAWALAN



Kawalan Kultur :

- Jaga kebersihan ladang

Kawalan Kimia :

- Sembur minyak putih seperti shell miscible white (Albarol) atau dimethoate (Aerogor).

# **ANAI-ANAI** ( *Microtermes pallidus* Hav)







# Simptom Dan Kerosakan

- Anai-anai memakan bahagian akar, batang dan dahan yang akan menyebabkan bahagian ini mati.
- Serangan  ini seterusnya akan mengakibatkan pokok mati rosot, daun layu, kuning dan gugur. Pokok yang lemah sering diserang.

# KAWALAN

## Kawalan Kultur:

1. Jika serangan baru bermula, musnahkan tempat pembiakan.
2. Jaga kebersihan ladang.

## Kawalan Kimia:

1. Siram racun seperti Chlorpyrifos (Donshot 155)

# PENYAKIT DURIAN








# KAWALAN PENYAKIT

- Durian peka kepada beberapa penyakit pada semua peringkat pertumbuhannya dan boleh mengurangkan hasil atau mengakibatkan pokok mati.
- Antara beberapa penyakit utama pada tanaman durian dan cara kawalannya adalah seperti berikut :

# Simptom Dan Kerosakan

- **Kecederaan (lesion) tisu batang berwarna perang kemerahan (apabila di dikikis).**








Serangan pada batang



Serangan pada daun

# Kawalan



## Kawalan Kultur:

- Pastikan saliran diladang adalah baik.
- Elakkan keadaan lembap di sekeliling pangkal pokok.
- Tanam pokok ikut jarak tanaman yang disyorkan.



Serangan pada buah

## Kawalan Kimia :

- Kikis bahagian terkena penyakit dan sapu dengan racun metalaxyl atau forsetyl alumunium.
- Sekiranya serangan dibahagian atas pokok suntikan batang perlu dilakukan.

# Hawar Daun Rhizoctonia (*Rhizoctonia solani*)

**Simptom:**

**Serangan awal:**

- Tompok warna hijau lumut di permukaan daun yang di kelilingi oleh kawasan perang keungguan gelap.



# Hawar Daun Rhizoctonia (*Rhizoctonia solani*)

**Serangan teruk:**

- Menyebabkan daun kering dan gugur.
- Terdapat maisiliam perang keputihan di permukaan daun – daun-daun boleh melekat.



# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Buang dan bakar daun-daun yang diserang.
- Elakkan keadaan lembap dan mengatur anak benih tidak terlalu rapat.

Kawalan kimia :

- Sembur racun seperti difenoconazole, flutolanil atau hexaconazole.

# Karat Alga *Cephaleuros* (*Cephaleuros virescens*)

**Simptom:**

**Pd daun:**

- **Bintik jingga / perang karat seperti baldu di permukaan daun**



Pd ranting:

-Bintik jingga / perang karat seperti baldu pada ranting



# KAWALAN

**Kawalan Kultur :**

- Pastikan pokok dalam keadaan baik tidak terlalu rimbun.
- Kebersihan ladang di jaga.
- Saliran baik.

**Kawalan Kimia :**

- Guna racun kulat seperti Copper super 88 atau Coxide 860.

# Bintik Daun *Phomopsis* (*Phomopsis durionis*)

**Simptom:**

- Bintik-bintik kecil 1mm garis pusat, bulat/bujur berwarna putih kelabu ke perang yang dikelilingi sempadan perang gelap dengan lingkaran ‘halo’ kuning yang nyata.



# KAWALAN

**Kawalan Kultur :**

- Pastikan pokok dalam keadaan baik tidak terlalu rimbun.
- Kebersihan ladang di jaga.
- Saliran baik.

**Kawalan Kimia :**

- Guna racun kulat seperti Copper super 88 atau Coxide 860.

# Anak Benih *Phytophthora*

**Simptom awal:**

- **Bintik nekrotik berwarna perang gelap keunguan yang 'water soaked' pada daun di peringkat awal jangkitan.**
- **Daun gugur 'prematurely'.**
- **Pucuk anak benih mati rosot.**



# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Biasa menyerang pada peringkat semaian.
- Siraman tidak berlebihan.
- Jarakkan kedudukan anak benih.

Kawalan Kimia :

- Sembur racun kulat seperti mancozeb, metalaxyl, atau dimethomorph.

# Antraknos daun *(Colletotrichum gloeosporioides)*

- Penyakit minor, selalu pada pokok terbiar dan anak pokok.

**Simptom**:

- Bintik/tompok nekrotik yang bulat atau 'irregular'selalunya di bahagian hujung daun.
- Bahagian tengah bintik berwana

  perang kelabu dengan cecincin berpusar.



# KAWALAN

**Kawalan Kultur :**

- Amalkan Amalan Pertanian Baik.
- Jaga kebersihan ladang.

**Kawalan Kimia :**

- Jika serangan teruk sembur racun kulat seperti mancozeb.

# Cendawan Angin (*Corticium salmonicolor*)

**Simptom**:

- **Lapisan misiliam putih kemerahan samar pada dahan dan ranting**



# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Jika serangan sedikit potong dahan yang terkena penyakit.
- Jaga kebersihan ladang.

Kawalan Kimia :

- Jika serangan teruk guna racun kulat seperti  Copper Super 88 danCoxide 860.

# Reput Akar Pythium (*Pythium vexans*)

**Simptom:**

- Tisu korteks akar keliling dan akar tunjang reput



# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Pastikan saliran baik.
- Pastikan pangkal pokok tidak tinggi kelembapannya.

Kawalan Kimia :

- Sembur racun kulat seperti metalaxyl.

# Penyakit Akar Putih

(*Rigidiporus lignosus*)



**Simptom/tanda:**

- **Pada akar putih kelihatan pertumbuhan rizomof (bebenang putih) berwarna putih**



# KAWALAN

- Akar yang diserang hendaklah dibuang dan tanah keliling hendaklah disiram dengan racun kulat.
- Jika serangan teruk pokok hendaklah dicabut dan di bakar.
- Guna racun kimia seperti metalaxyl atau copper oxychloride.

# REPUT BUAH

- **Reput Buah Sclerotium**

  **- maisiliam putih berbentuk kipas kulit buah**



- Reput Buah Phytophthora

  - Tompok hitam yang lembab dengan maisiliam putih keperangan



# KAWALAN

Kawalan Kultur :

- Kutip buah yang diserang dan tanam.
- Jaga kebersihan ladang.

Kawalan Kimia :

- Sembur racun kulat seperti mancozeb, metalaxyl, atau dimethomorph jika perlu.

# Alga *Trentepohlia* (*Trentepohlia* spp.)

- **- Lapisan alga jingga pada batang dan dahan**



# Kulapuk Hitam (Black Mildew) *(Meliola durionis)*

**Simptom:**

- **Tompok hitam seperti baldu pada daun**



# Jelaga Hitam (Sooty Mould)

- Pada daun, ranting dan buah



**Simptom:**

- Tompok/ bintik hitam seperti berdebu atau seperti baldu

# KAWALAN

- Penyakit ini tidak serius pada tanaman durian.
- Perlu menjaga kerbersihan ladang.
- Sembur racun kulat apabila perlu sahaja,

# POKOK DUIT-DUIT





# KAWALAN

- Tiada kawalan kimia yang sesuai hanya kawalan secara fizikal seperti mencabut dengan tangan.
- Menjaga kebersihan ladang.





SEKIAN TERIMA KASIH